

TARIKH : 19 SEPTEMBER 2025

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA : 24
SURAT

Sasaran defisit fiskal 3.8 peratus daripada KDNK mampu dicapai

24

Bisnes

Jumaat, 19 September 2025 BH

Sasaran defisit fiskal 3.8 peratus daripada KDNK mampu dicapai

Hasil cukai kukuh, rasionalisasi subsidi letakkan negara di landasan capai unjuran

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Malaysia berada dalam landasan untuk mencapai sasaran defisit fiskal bagi 2025 sebanyak 3.8 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), menurut penganalisis.

Ahli Ekonomi Kanan ASEAN OCBC, Lavanya Venkateswaran, berkata kutipan hasil cukai yang kukuh dan rasionalisasi subsidi membolehkan defisit fiskal mengecil kepada 3.7 peratus daripada KDNK berdasarkan tempoh 12 bulan berakhir Julai 2025.

Beliau berkata, berdasarkan penilaian terkini, defisit fiskal 2025 boleh mele-



pasti sasaran, tetapi ia hanya akan diketahui pada suku keempat 2025 apabila mekanisme rasionalisasi RON95 lebih jelas.

Katanya, butiran pemacu hasil dan perbelanjaan yang tersedia pada separuh pertama 2025 adalah menggalakkan dengan memperlihatkan kutipan hasil meningkat 6.1 peratus berbanding 3.1 peratus pada 2024.

"Dalam hal ini, hasil cukai meningkat 12.6 peratus pada separuh pertama 2025 dengan baik mengatasi pertumbuhan KDNK nominal sebanyak 3.4 peratus untuk tempoh itu," katanya dalam nota penyelidikan.

Mengulas lanjut, Venkateswaran berkata, hasil korporat bersama Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) adalah penyumbang terbesar kepada pertumbuhan hasil.

Hasil bukan cukai turun

Sebaliknya, beliau menjelaskan, hasil bukan cukai turun sebanyak 12.6 peratus pada separuh pertama 2025 berbanding 11.3 peratus pada 2024, mungkin mencerminkan dividen PETRONAS dan harga komoditi yang lebih rendah. Beliau berkata, kutipan hasil perlu meningkat 3.5 peratus

Dalam hal ini, hasil cukai meningkat 12.6 peratus pada separuh pertama 2025 dengan baik mengatasi pertumbuhan KDNK nominal sebanyak 3.4 peratus untuk tempoh itu.

Lavanya Venkateswaran, Ahli Ekonomi Kanan ASEAN OCBC



pada separuh kedua 2025 agar kerajaan dapat mencapai sasaran tahun penuh, berdasarkan anggaran belanjawan asal.

Walaupun bagaimanapun, katanya, hasil cukai mungkin akan mema-

kan peranan yang lebih besar dalam separuh kedua 2025 berbanding anggaran belanjawan.

Menurutnya, kerajaan memperluaskan skop SST pada 1 Julai kepada rangkaian yang lebih luas bagi barangan pengguna dan mewah serta 30 perkhidmatan yang tidak dikenakan cukai sebelum ini, yang boleh memberikan sokongan kedua.

Pihaknya juga mengunjurkan pertumbuhan KDNK Malaysia bagi 2025 sebanyak 3.9 peratus dengan andaian kelembapan yang lebih ketara pada separuh kedua 2025 berbanding separuh pertama 2025.

"Walaupun bagaimanapun, memandang tanda daya tahan pertumbuhan baru-baru ini, imbalan risiko semakin meningkat dan seterusnya menambah prospek hasil cukai.

"Ini akan membantu melaraskan kelemahan dalam hasil bukan cukai, yang mungkin kurang daripada anggaran belanjawan. Walau bagaimanapun, kami menjangkakan dividen PETRONAS sebanyak RM32 bilion akan diteruskan seperti yang diunjurkan dalam Belanjawan 2025," katanya.